

11/08/1999

Ketibaan mungkin lewat

LANGKAWI, Selasa - Datuk Azhar Mansor mungkin terlewat sampai di garisan penamat di Jeti Star Cruise, esok, berikutan tiupan angin yang tidak banyak membantu pelayaran Jalur Gemilang.

Ini kerana dalam tempoh 24 jam lalu, beliau dapat belayar sejauh 99 batu nautika dengan tiupan angin di antara empat dan lapan knot, sedangkan beliau perlu belayar sejauh 227 batu nautika lagi untuk ke Langkawi.

Menurut adik Azhar, Azmi yang juga penyelaras Projek Cabaran Jalur Gemilang berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk menunggu sehingga Azhar pulang.

Menerusi e-mel hariannya ke Cabaran Jalur Gemilang berpangkalan di Awana Porto Malai di sini, petang ini, Azhar melaporkan beliau menghubungi Omar Ali, Kapten kapal MV Bunga Pelangi, kapal kargo milik Malaysia International Shipping Corporation (MISC).

Kapal itu dalam perjalanan dari Port Klang ke Le Havre, Perancis.

Bagaimanapun Azhar tidak mengulas butiran perbualannya dengan lebih lanjut.

Mengenai pelayarannya, beliau berkata, pelayarannya lancar dengan permukaan laut rata dan cuaca cerah.

"Saya terpaksa berjaga sepanjang malam berikutan kesibukan lalu lintas kapal sebaik melepasi Sabang pada jam 4.30 pagi waktu Malaysia.

Azhar turut melaporkan posisi kapalnya kini berada pada latitud 05 54' 90" ke selatan dan longitud 095 55' 88" ke timur dengan kelajuan purata tujuh knot.

(END)